



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA DAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

TERENGGANU, 21 JUN 2022 - Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) hari ini memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia dan YBhg. Prof. Dato' Dr. Mazlan Abd Ghaffar, Naib Canselor, Universiti Malaysia Terengganu dengan disaksikan oleh pegawai kanan kedua-dua agensi tersebut. Majlis menandatangani memorandum ini telah diadakan bersekali dengan Seminar My Local Stats dan Sustainable Development Goals (SDG) bertempat di Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu.

Antara bidang kerjasama yang telah dipersetujui oleh DOSM dan UMT melalui MoU ini adalah perkongsian kepakaran profesional dalam bidang berkaitan pengumpulan, pentafsiran, penyebaran perangkaan rasmi dan bidang-bidang lain yang berkaitan dan kerjasama dalam program berbentuk akademik. Selain itu, kedua-dua pihak juga akan bekerjasama dalam penganalisisan data, penyelidikan perkongsian hasil analisis serta penemuan baru dan melaksanakan kerjasama yang berkaitan dengan penyelidikan dan perkongsian ilmu dalam bidang statistik, pembekalan, penyimpanan dan pertukaran maklumat dan

peningkatan mutu maklumat rasmi seperti yang tertakluk oleh undang-undang yang akan dipersetujui bersama.

Kerjasama ini dijangka menyokong pembangunan pakar bidang di kedua-dua belah pihak bagi memenuhi keperluan data semasa dan akan datang dengan menerima pakai teknik statistik yang terkini, penerapan sains data dan analitik serta pendekatan inovatif lain. MoU antara DOSM bersama UMT ini merupakan MoU yang ke-21 ditandatangani DOSM bersama Institusi Pengajian Tinggi.

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
21 Jun 2022



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

PRESS STATEMENT

SIGNING CEREMONY MEMORANDUM OF UNDERSTANDING BETWEEN DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA AND UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

TERENGGANU, 21st JUNE 2022 – The signing ceremony of Memorandum of Understanding (MoU) between the Department of Statistics Malaysia and Universiti Malaysia Terengganu (UMT) was signed by the Chief Statistician Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin and the Vice Chancellor of UMT, YBhg. Prof. Dato' Dr. Mazlan Abd Ghaffar and witnessed by senior officials from both agencies. This ceremony was held together with the My Local Stats and Sustainable Development Goals (SDG) Seminar at Sultan Mizan Hall, Universiti Malaysia Terengganu.

Through this MoU, DOSM and UMT agreed the sharing of professional expertise in areas related to the collection, interpretation, dissemination of official statistics and other related fields and cooperation in academic programs. In addition, both parties will also collaborate in data analysis, research sharing analysis results and new findings and implement cooperation related to research and knowledge sharing in the field of statistics, supply, storage and exchange of information and improvement of official information as required mutually agreed upon and allowed by the law.

Consequently, this collaboration will produce subject matter experts for both parties in order to satisfy the current and future needs for data by using the

latest statistical techniques, the application of data science and analytics and other innovative approaches. This MoU with UMT is the twenty-first signing by DOSM with the Institution of Higher Education.

Release by:

Department of Statistics Malaysia
21st June 2022